

# YAB DATO' SERI ABDULLAH HAJI AHMAD Perdana Menteri Malaysia

23 JUN 2006



NORHIDAYAH YAJID | BERITA HARIAN

USAHAWAN BERJAYA: Abdullah (dua dari kanan) dan Abdul Rahman (kanan) bersama penerima Anugerah Usahawan Dewan Perniagaan Melayu Malaysia 2006 di Kuala Lumpur, malam tadi.

# RMK-9 bukan janji kosong: Abdullah

## Kerajaan hargai usaha 11 kelompok niaga membantu

Oleh Norfatimah Ahmad

**K**UALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sekali lagi menegaskan kerajaan mempunyai cukup wang untuk menggerakkan projek sepanjang Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) yang bermula bulan depan.

Perdana Menteri juga yakin dengan kerjasama dan komitmen semua pihak termasuk usahawan tempatan dan golongan profesional, pelaksanaan RMK-9 akan berjalan lancar untuk manfaat rakyat.

"Saya akan pastikan ia menjadi kenyataan (kejayaan RMK-9) kerana kita (kerajaan) bukan janji kosong.

"Walaupun ada yang kata kita tidak ada duit, tapi kita tidak tahu apa niat mereka berkata sedemikian. Jika kita tidak ada duit, kita tidak akan bentangkan RMK-9 di Parlimen, bukannya kita sekadar nak seronokkan

rakyat," katanya berucap pada majlis makan malam Anugerah Usahawan Melayu 2006 anjuran Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) di sini, malam tadi.

Hadir sama, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin dan Presiden DPMM, Datuk Seri Abdul Rahman Maidin.

AbduUah yang juga Menteri Kewangan berkata, pembentangan mengenai rancangan lima tahun negara itu bukan sekadar untuk melegakan hati rakyat, sebaliknya ia agenda penting negara.

"Pembongkaran tidak akan membawa kita ke mana-mana dan kita tidak akan mendapat sokongan daripada rakyat," katanya.

Beliau berkata, kerajaan merangka pelaksanaan setiap projek untuk memastikan sebarang perancangan itu mampu dilaksanakan de-

### FAKTA

#### Anugerah Usahawan DPMM 2006

- Anugerah Presiden- Tan Sri Mustapha Karmal Abu Bakar (MK Land Holdings Berhad)
- Anugerah Inovatif- Datuk Dr Zainuddin Md Wazir (Synergy Farm Sdn Bhd)
- Anugerah Usahawan Tulen- Datuk Rameli Musa (Ingress Corp Berhad)
- Anugerah Usahawan Muda- Amran Ahmed (AJV Electronic Devices (M) Sdn Bhd)
- Anugerah Wanita- Rozita Ibrahim (Sendayu Corporation (M) Sdn Bhd)
- Anugerah Warisan-Noraini Ahmad (Noraini Cookies World wides Sdn Bhd)

nganjaya.

"Pelaksanaan yang dirancang bukan secara sambil lewa, malah mementingkan keberkesanan dan penyelarasan, selain memastikan kejayaan yang diharapkan tercapai," katanya.

Beliau juga menghargai langkah 11 kelompok perniagaan yang mewakili pelbagai sektor ekonomi mengemukakan rangka kerja pelan tindakan yang akan diambil untuk membantu negara menjayakan RMK-9.

"Saya bangga kerana kelompok ini sedia tampil untuk ambil bahagian dalam usaha mehayakan pelaksanaan apa juga program khususnya untuk Bumiputera," katanya.

Sehubungan itu, beliau berkata, pengusaha dan peniaga negara wajar mengorak langkah beriringan dengan kerajaan untuk menjamin mamlat negara maju menjelang 2020 tercapai.